

**KENYATAAN DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**25 OGOS 2020**

---

**1. TARIKH AKHIR PROMOSI CUKAI TAKSIRAN MBSP PENGGAL  
KEDUA TAHUN 2020**

Dimaklumkan Promosi Cukai Taksiran MBSP Penggal Kedua Tahun 2020 yang bermula pada 1 Julai 2020, akan tamat pada 31 Ogos 2020. Promosi ini diadakan istimewa kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai sebagai insentif dan galakan supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan. Promosi hanya untuk pembayaran secara **online, agensi yang dilantik dan kiosk Paylink Global sahaja.**

Sebanyak lima (5) hadiah cabutan bertuah yang lumayan telah disediakan dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut :

<b>Kedudukan Hadiah</b>	<b>Jenis Hadiah</b>
Tempat Pertama	Wang Tunai RM7,000
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-5	Wang Tunai RM1,000

Jumlah keseluruhan wang tunai yang ditawarkan adalah sebanyak RM 18,000.00.

Dengan ini saya menyeru sekali lagi kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran penggal kedua bagi tahun 2020 berserta tunggakan (jika ada) secara online, bagi melayakkan anda terpilih untuk cabutan bertuah.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat, sila layari laman web <https://mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696** atau e-mail di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my)

## **2. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 1 SEPTEMBER 2020**

Dimaklumkan bahawa 31 Ogos 2020 (Iasnin) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Kedua 2020. Mulai 1 September 2020, caj Notis E Taksiran sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas setiap akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Bayaran boleh dibuat secara online, melalui agensi yang dilantik serta kiosk Paylink Global.

Pembayaran juga boleh dibuat di semua kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya, Bandar Perda, Kaunter Cawangan Kg. Jawa, Butterworth dan Kaunter Cawangan Jawi.

## **3. SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA PADA 16 SEPTEMBER 2020**

Dimaklumkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September, pada setiap tahun untuk memperingati penubuhan Persekutuan

Malaysia di mana Sabah dan Sarawak telah menyertai Malaysia pada 1963. 16 September 2020 merupakan hari Rabu dan hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang . Saya berharap waktu yang terluang ini dapat digunakan sebaik mungkin.

#### **4. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE-63**

Tema “Malaysia Prihatin” dipilih sebagai tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini. Logo berbentuk hati dengan warna Jalur Gemilang, melambangkan keprihatinan kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

“Malaysia” membawa pengertian seluruh rakyat Malaysia berganding bahu memerangi pandemik COVID-19, sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan mahupun orang perseorangan. “Prihatin” pula mewakili keprihatinan kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat melalui inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan serta kelangsungan hidup rakyat Malaysia. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah

memperuntukkan sebanyak RM 5,578,000.00 melalui Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan Covid-19) Fasa 1 dan 2 untuk disalurkan kepada peniaga kecil Seberang Perai. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-63 pada 31 Ogos 2020 (Isnin) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

Perjuangan melawan Covid-19 belum berakhir, saya menasihati agar seluruh penduduk Seberang Perai mengamalkan SOP yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan mengamalkan penjarakan fizikal, pemakaian pelitup separuh muka (*face mask*) dan sentiasa memakai *hand sanitizer* ataupun mencuci tangan dengan air dan sabun. Selain itu, pastikan tidak mengunjungi tempat yang sesak dengan orang ramai.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**